


SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGURUSAN PUSAT SUMBER
PENDIDIKAN

KOD MATA PELAJARAN : BBG 3393

KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA
DENGAN MENGGUNAKAN BUKU
JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

SULIT

S1 Model Proses Komunikasi SMCR sesuai digunakan untuk mengenalpasti perjalanan sesuatu acara yang spesifik daripada sesuatu proses komunikasi yang berterusan. Sebagai seorang Guru Besar Sekolah, anda diminta menyediakan satu ceramah untuk semua AJK PSS yang akan meliputi perkara berikut:

- Tarifan SMCR
- Ciri-ciri ringkas setiap komponen SMCR
- Implikasinya ke atas aktiviti promosi PSS

Tuliskan teks ceramah itu.

(25 markah)

S2 Terangkan secara ringkas tiga perkara berikut,

- Definisi Pusat Sumber Sekolah
- Objektif Pusat Sumber Sekolah
- Peranan Pusat Sumber Sekolah
- Pusat Sumber Elektronik

(25 markah)


S3 Semasa penilaian Anugerah NILAM Kebangsaan, panel hakim telah menyenaraikan beberapa kelemahan yang wujud pada diri calon yang bertanding, iaitu,

- Pemilihan bahan-bahan yang bersifat popular daripada karya-karya besar.
- Ketidakseimbangan antara pemilihan bahan bacaan bersifat fiksyen dan bukan fiksyen.
- Budaya menulis sebagai kesan penting daripada pembacaan juga belum terserlah lagi walaupun ada pelajar yang menulis untuk majalah-majalah sekolah.
- Penghayatan dan apresiasi membaca belum tergambar dengan jelas pada calon-calon bertanding.
- Budaya membaca sebagai satu nikmat, seni dan sesuatu yang menyeronokkan dalam kehidupan belum dapat dikesan walaupun tabiat membaca sudah pun ada.

Anda diminta mencadangkan strategi penambahbaikan untuk setiap kelemahan tersebut dan justifikasi cadangan tersebut.

(25 markah)

- S 4 Carta berikut merupakan Campuran Pasaran yang dikemukakan oleh *Alistair Morrison* dalam buku *Marketing For Hospitality and Tourism*. Bincangkan aplikasi 8Ps itu ke dalam mempromosikan Pusat Sumber sekolah anda.



(25 markah)

- S5 Dalam pengurusan PSS, Fail Meja merupakan dokumen rasmi yang perlu ada di sesebuah PSS.

(a) Terangkan maksud Fail Meja PSS. (5 markah)

(b) Senaraikan langkah-langkah penyediaan Fail Meja PSS yang lengkap. (20 markah)

- S6 Pengurus PSS perlu mempunyai keupayaan untuk memainkan peranan sebagai seorang *LEADER*, *NEGOTIATOR*, *LIASON*, *ENTREPRENEURIAL* dan *DISSEMINATOR*. Bincangkan .

(25 markah)